



Sorotan

## SEMINAR PRA-PELANCARAN INSTITUT MATEMATIK KEJURUTERAAN (IMK), UniMAP

5 April 2007

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menjadi universiti pertama di negara ini yang memiliki Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) sendiri. Penubuhan institut terbabit diumumkan sendiri oleh Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, 5 April 2007, lalu.

Sempena Pra-Pelancaran itu, satu seminar mengenai matematik yang disampaikan oleh dua penceramah yang berpengalaman iaitu, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Prof. Dato' Dr. Hassan Said dan pensyarah dari Institut Antarabangsa Pemikiran dan Penyelidikan Tamadun Islam (ISTAC) Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Osman Bakar. Majlis pra pelancaran terbabit disempurnakan Y. Bhg. Dato' Kamarudin Husin di Dewan Kapitol UniMAP. Dalam ucapannya, beliau berkata, pada dasarnya IMK berperanan sebagai pusat merancang dan mengendalikan penawaran semua kursus matematik kejuruteraan di UniMAP. Selain itu, ia menjadi pusat pengembangan dan pembinaan ilmu matematik yang difokus kepada pembangunan dan penggunaan pendekatan matematik kejuruteraan terkini dalam teknologi terkini dan masa hadapan "Saya berharap, dengan tertubuhnya IMK ini, kita bukan sahaja dapat mengembangkan

dan memperluaskan ilmu matematik malahan dapat melahirkan perasaan cinta kita terhadap bidang matematik yang diibaratkan sebagai ratu dalam semua bidang sains (Queen of all sciences) terutamanya bidang kejuruteraan,"katanya lagi.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal serta Dekan IMK, Profesor Madya Abdul Halim Abdul. Beliau juga berharap, agar IMK dapat dijadikan landasan bagi perkembangan ilmu matematik kejuruteraan dalam melahirkan jurutera abad ke-21.

